



## "KEHARMONIAN HIDUP DALAM MASYARAKAT MAJMUK".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّن ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْنَىكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَبِيرٌ <sup>1</sup>	2
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ	3
. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يُبَتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.	4
<b>Muslimin yang dirahmati Allah,</b>  Bersempena hari Jumaat yang mulia ini, saya ingin berpesan kepada diri saya dan sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekelian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan mengerjakan segala perintah-Nya serta menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan Allah SWT memberkati kehidupan kita ini dengan nikmat, taufik dan hidayah yang berpanjangan serta beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.	5
Pada hari ini, khatib ingin mengajak para hadirin semua agar dapat menghayati khutbah yang bertajuk " <b>KEHARMONIAN HIDUP DALAM MASYARAKAT MAJMUK"</b> ".	6
Sebelum meneruskan khutbah ini, khatib ingin mengingatkan hadirin Jumaat sekelian akan pesanan Rasulullah SAW supaya dapat menumpukan perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan. Janganlah bercakap-cakap dan melakukan perkara yang sia-sia, termasuklah menggunakan telefon bimbit ketika khatib sedang menyampaikan khutbah.	7
<b>Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,</b>	
Sesungguhnya kepelbagaiannya bangsa dan cara hidup, perbezaan pandangan dan pertembungan budaya antara manusia adalah fitrah kejadian manusia. Ia perlu ditadbir dan diurus dengan cara yang bijaksana. Inilah cabaran yang amat besar yang sekiranya gagal dipelihara akan mencetuskan perbalahan dan perperangan.	8



<b>Para hadirin sekalian,</b>	
Kepelbagaiannya bangsa dan budaya itu sebenarnya penting untuk memakmurkan bumi ini. Apabila digabungkan dengan semangat, saling bantu-membantu, bertoleransi dan saling menyumbang ke arah kejayaan negara, maka kehidupan manusia akan aman dan sejahtera.	9
Oleh yang demikian, Allah SWT mengingatkan kita supaya hidup di atas bumi secara harmoni, tolong-menolong, hormat-menghormati dan meraikan perbezaan. Agama Islam melarang sesama manusia membezakan sesama kita berdasarkan kepada bangsa, keturunan dan warna kulit. Sebaliknya Islam menilai kemuliaan manusia adalah berdasarkan kepada tahap keimanan dan ketaqwaan mereka di sisi Allah SWT.	10
Ini dinyatakan secara jelas di dalam Al-Quran melalui firman Allah SWT dalam Surah Al-Hujurat, ayat 13: <p style="text-align: center;">يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّنْ ذَكَرٍ وَّأُنثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَّقَبَائِلَ لِتَعَارَفُواٰ إِنَّ أَكْرَمُكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْنَكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلَيْمٌ بِخَيْرٍ</p>	11
<i>"Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu)." </i>	12
Ini menjelaskan, walaupun seseorang muslim itu dari pelbagai bangsa, mereka semua adalah satu umat, sama taraf dan bersaudara yang diikat dengan ikatan tauhid yang suci dan agung disisi Allah SWT tanpa menghilangkan identiti bangsa mereka walau sedikit pun. Ini terbukti apabila Saidina Abu Bakar al-Siddiq dari bangsa Arab, Bilal bin Rabah dari bangsa Habsyah, Salman Al Farisi dari bangsa Parsi dan Suhaib dari bangsa Rom disatukan menjadi satu umat Islam yang mulia disebabkan keimanan dan keislaman mereka.	13
<b>Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,</b>	



<p>Sesungguhnya perbezaan kaum dan bangsa di kalangan manusia bukan halangan untuk hidup bersatu-padu. Islam menegaskan perbezaan itu adalah hakikat yang wajib diterima dan dilihat secara positif. Setiap ciptaan Allah SWT ada hikmah dan kebaikannya. Apa yang penting kepelbagaian kaum dan perbezaan budaya ini perlulah diurus dengan bijak secara berhikmah sesuai dengan tabiat manusia yang saling memerlukan antara satu sama lain.</p>	14
<p>Melihat kepada keadaan fitrah manusia dengan kepelbagaian budaya dan bangsa yang majmuk, maka Islam megariskan beberapa kaedah untuk mempercepatkan hubungan dan perpaduan. Antaranya adalah:</p> <p><b>Pertama:</b> Kita hendaklah mengenali titik persamaan dan menjaga sempadan pertikaian apabila adanya perbezaan. Sebagai contoh, seluruh bangsa cintakan sikap tolong-menolong, menjaga kehormatan dan ramah mesra. Maka semarakkanlah suasana tersebut kerana ia mampu menyatukan hati sesama manusia dan mewujudkan keharmonian.</p>	15
<p><b>Kedua:</b> Kita hendaklah menjadi individu yang memulakan budaya senyum dan menyebarkan salam kepada sesiapa sahaja orang yang kita temui. Ia merupakan kalimah istimewa yang dituntut untuk disebarluaskan oleh Islam yang cintakan kedamaian dan keharmonian.</p>	16
<p>Itulah nasihat Nabi SAW kepada kaum Ansar dan Muhajirin ketika baginda mulamula sampai di Madinah seperti yang telah dinyatakan oleh Abdullah bin Salam RadhiAllahu Anhu yang bermaksud:</p> <p><i>"Ketika Rasulullah SAW datang ke Madinah, orang ramai segera pergi menuju kepada baginda (kerana ingin melihatnya). Ada yang mengatakan: Rasulullah SAW telah datang, lalu aku mendatanginya ditengah-tengah orang ramai untuk melihatnya.</i></p>	17
<p><i>Ketika aku melihat wajah Rasulullah SAW aku tahu bahawa wajahnya bukanlah wajah seorang pembohong. Nasihat pertama yang baginda ucapkan adalah, "Wahai sekalian manusia, sebarkanlah salam, berikan makan, sambunglah silaturrahim, solatlah di waktu malam ketika orang lain sedang tidur, nescaya kamu semua akan masuk syurga dengan selamat."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Tirmizi).</i></p>	18



<b>Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,</b>	
Perlu kita ketahui, masyarakat majmuk bukan perkara baru dalam dunia Islam. Masyarakat majmuk telah wujud berabad-abad lamanya. Fakta yang tidak dapat dinafikan, bahawa manusia hidup dengan aman di bawah pemerintah yang adil memerintah di bumi ini. Allah SWT menegaskan bahawa keharmonian hanya dapat diwujudkan apabila kepimpinan negara iltizam dengan keadilan dan kesaksamaan yang diajarkan oleh Islam.	19
Allah SWT berfirman dalam Surah Al- Maidah, ayat 8: <p style="text-align: center;">يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا كُونُوا قَوْمٰ مِنْ شُهَدَاءِ اللَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَيْءًا فَمَنِ عَلَىٰ إِلَّا تَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَيْرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ</p>	20
"Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa ju) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan."	21
Berdasarkan ayat ini, bersikap adil adalah amat dituntut oleh Islam. Keadilan yang dimaksudkan bukanlah kesamarataan seperti yang diperjuangkan oleh barat tetapi keadilan menurut Islam ialah memberikan sesuatu yang berhak kepada yang sepatutnya.	22
Allah SWT memerintahkan kita untuk bersifat belas ihsan dan berperikemanusiaan terhadap manusia yang lemah dan memerlukan bantuan.	23
<b>Hadirin yang berbahagia sekalian,</b>	



<p>Mengakhiri khutbah pada kali ini, khatib menyeru dan mengajak seluruh umat Islam supaya menghayati beberapa pengajaran berikut untuk dijadikan sebagai pedoman hidup kita:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa penciptaan pelbagai bangsa dan etnik menunjukkan kebesaran Allah untuk saling mengenali antara satu sama lain.</li><li>2. Umat Islam hendaklah saling hormat-menghormati walaupun hidup dalam kalangan pelbagai bangsa untuk mewujudkan keharmonian hidup.</li><li>3. Umat Islam wajib berusaha menyebar luaskan kebenaran Islam dan keadilannya kepada semua warga masyarakat yang terdiri daripada berbagai keturunan dan suku bangsa.</li></ol>	24
<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَةً لِلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا <b>يَعْلَمُونَ</b></p>	25
<p><i>"Dan tiadalah Kami mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagai Rasul pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman), dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar); akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (hakikat itu)."</i> (Surah Saba' : 28).</p>	26
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرُ الْحَكِيمُ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	27 28



## **KHUTBAH KEDUA**

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ。أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ。</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الْدِينِ。أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	2
<p><b>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,</b></p> <p>Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan bersungguh-sungguh melakukan amal soleh serta berakhlik dengan akhlak Rasulullah SAW. Seterusnya marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:</p>	3
<p>إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأَمَّلُهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُوًا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.</p>	4
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَرْوَاحِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	5
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءَ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِيطٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قاضِي الْحَاجَاتِ。اللَّهُمَّ أَعِزَّ إِلَيْكَ الصَّلَاةَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفَّرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِرْ أَعْدَاءَ الدِّينِ。وَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.</p>	6
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَةِ أَنْتَ حَفَظَ بِعَيْنِ عِنَائِيكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وِقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَّ لَهُ مِلْكُنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ سَلَاغُورِ،</p>	7
<p>سُلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ。اللَّهُمَّ أَدِمْ الْعُونَ وَالْهَدَىيَةَ وَالثَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاغُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ سُلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ</p>	8



فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرِيمَكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ。اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا	9
مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلَّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ。	10
Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.	11
Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah. Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana.	12
Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.	13
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ	14
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ	15
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	15